

Baca Helaian Makluman Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Kredit Hong Leong. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

- Kad ini merupakan kad kredit Hong Leong ("Kad Kredit") dengan kemudahan kredit yang diberikan kepada pemegang kad. Sekiranya sebarang jumlah kredit yang digunakan oleh pemegang kad tidak dijelaskan sepenuhnya pada/sebelum tarikh matang, jumlah yang tidak dijelaskan akan dikenakan caj kewangan.

2. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?

Had Kredit

- Saluran kredit pusingan yang diluluskan oleh Bank, berdasarkan kelayakan Pemegang Kad.

Jenis kad	Had kredit minima (RM)
Koleksi kad premium Hong Leong	
Hong Leong Infinite (Visa)	100,000
Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)	12,000
Hong Leong Infinite (Visa)	45,000
Kad perniagaan	
Platinum Business (Mastercard)	12,000
Kad rebat	
WISE Platinum (Visa)	12,000
WISE Gold (Visa)	2,000
Essential (Visa)	2,000
Fortune (Visa)	2,000
The Store dan Pacific Platinum (Mastercard)	12,000
The Store dan Pacific Gold (Mastercard)	2,000
Kad mata ganjaran	
Sutera Platinum (Visa/Mastercard)	12,000
Gold (Visa/Mastercard)	2,000
GSC Platinum(Visa)	12,000
GSC Gold(Visa)	2,000
Kad asas	
I'm (Mastercard)	2,000

- Pemegang Kad akan tertakluk kepada caj kewangan:-

(i) Pembelian Runcit

Kadar faedah akan dikira atas dasar harian selepas tamat tempoh tanpa faedah asalkan baki semasa penyata sebelumnya telah dibayar sepenuhnya oleh pemegang kad pada tarikh bayaran perlu dibuat. Jika tidak, faedah akan dikira atas dasar harian dari tarikh pengeposan berkaitan. Caj kewangan mungkin berubah bagi setiap akaun berdasarkan rekod bayaran selama 12 bulan lepas oleh pemegang kad seperti di bawah:

Perilaku pembayaran balik pemegang kad	Kadar faedah runcit
Pemegang-pemegang kad yang membuat bayaran minimum secara tetap selama 12 bulan berturut-turut	15% setahun
Pemegang-pemegang kad yang membuat bayaran minimum secara tetap selama 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan	17% setahun
Pemegang kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas	18% setahun

(ii) Pendahuluan Tunai

- 18% setahun ke atas amaun tertunggak dikira atas dasar harian dari tarikh transaksi hingga tarikh penyelesaian penuh.
- (Untuk kad Essential sahaja) 10.8% dikira atas dasar harian, dari tarikh transaksi. Bagaimanapun, jika pemegang kad ingkar membuat bayaran mana-mana baki tertunggak perlu bayar kepada Hong Leong Bank Berhad ("Bank"), bank berhak untuk mengenakan caj standard 18% setahun.

NOTA: Had maksimum pengeluaran tunai harian adalah tertakluk kepada kesediaan Had Tunai kad anda dan had pengeluaran semasa mana-mana ATM sekiranya pengeluaran tunai dibuat melalui ATM; yang mana lebih rendah.

- Pemegang Kad berlayak untuk:

Jenis ganjaran	Jenis kad
Pulangan Tunai	
Ciri-ciri berikut akan disemak semula mulai 1hb Februari 2016 : • 0.6% Pulangan Tunai untuk semua transaksi Insurans • Untuk Transaksi Runcit* lain Tier 1 - 0.6% Pulangan Tunai untuk perbelanjaan RM5,000 pertama Tier 2 - 1% Pulangan Tunai untuk perbelanjaan seterusnya • Tiada Pulangan Tunai untuk transaksi di stesen minyak	Essential
10% Pulangan Tunai akan dikreditkan untuk semua Transaksi Runcit yang sah dalam kategori perbelanjaan yang didaftarkan dan tertakluk kepada maksimum sebanyak RM100 setiap bulan. Pulangan Tunai tertakluk pada transaksi runcit minimum RM2,000 (transaksi dicatatkan) dalam satu bulan kalendar yang diperlukan.	WISE

Jenis ganjaran	Jenis kad
Pulangan Tunai	
Semua Transaksi Runcit* yang sah akan menerima Pulangan Tunai (dalam bentuk bawcar The Store/Pacific): - 3% untuk perbelanjaan RM1,500 yang pertama di The Store/Pacific. - 6% untuk perbelanjaan RM1,501 ke atas berikutnya di The Store/Pacific. - 0.5% untuk semua Transaksi Runcit* lain.	The Store/ Pacific
Nota: Tertakluk kepada maximum rebat tunai RM75 dalam satu kitaran bil daripada perbelanjaan di cawangan-cawangan The Store/Pacific.	
Perolehan "Real Cash"	
• 1% "Real Cash" untuk setiap Transaksi Runcit*. • Perolehan "Real Cash" hanya akan dikreditkan apabila mencecah minimum RM20 dan terhad kepada maksimum RM50 yang dihitung secara bulanan. i. Faedah ke atas Perolehan "Real Cash" Baki harian Perolehan "Real Cash" akan menerima faedah kadar semasa untuk deposit tetap 3-bulan. ii. Perolehan "Real Cash" Tambahan Jumlah perbelanjaan runcit tahunan: ≥ RM38,000 Bonus: RM280 Jumlah perbelanjaan runcit tahunan: ≥ RM68,000 Bonus: RM880 Jumlah perbelanjaan runcit tahunan: ≥ RM108,000 Bonus: RM1,800	Fortune
Mata ganjaran	
Semua Transaksi Runcit* yang sah akan diberikan Mata Ganjaran.	Sutera Platinum/ Gold/GSC
MAS Enrich Miles	
Semua Transaksi Runcit* yang sah akan diberikan MAS Enrich Miles berdasarkan: • Tempatan : RM2.8 = 1 mile • Luar Negara : RM1.8 = 1 mile	Hong Leong Infinite / Infinite Doctor's Edition / Infinite

*Transaksi Runcit merangkumi semua transaksi runcit tempatan dan luar negara KECUALI semua transaksi berkaitan dengan Kerajaan dan JomPAY, Pendahuluan Tunai, Tunai Kuasi (pertaruhan dan transaksi perjudian yang berkaitan), Call-For-Cash, Call-For-Cash Plus, Pelan Bayaran Flexi, Balance Transfer, Transaksi Petrol (termasuk transaksi runcit di stesen petrol), Caj Kewangan, Caj Lewat dan Bayaran Yuran Tahunan kecuali Kad Sutera Platinum, WISE, Fortune dan Hong Leong Infinite dimana transaksi petrol akan diberikan.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Bayaran balik bulanan minimum

- 5% daripada baki tunggakan atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

Tempoh tanpa faedah untuk transaksi pembelian runcit

- 20 hari dari tarikh penyata asalkan baki semasa penyata sebelumnya pemegang kad telah dibayar sepenuhnya pada tarikh bayaran perlu dibuat. Jika tidak, faedah akan dikira atas dasar harian dari tarikh pengeposan berkaitan.
- Pemegang Kad Prinsipal akan bertanggungjawab untuk semua baki tunggakan yang ditanggung atas Kad Prinsipal dan Kad Tambahan, jika ada. Pemegang Kad Tambahan akan bertanggungjawab untuk baki tunggakan yang ditanggung atas Kad Tambahan beliau sahaja.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran penggantian kad (Tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm)

- Sebarang penggantian kad adalah tertakluk kepada Yuran Penggantian Kad sebanyak RM50 (atau suatu amaun yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa).

Transaksi luar negara

- Transaksi dalam Matawang Asing - Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa International, MasterCard International atau American Express, ditambah sehingga 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank.
- 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh Bank tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm.
- Transaksi dalam Ringgit Malaysia (RM) - Yuran pentadbiran yang dicaj oleh Visa International, atau MasterCard International.

Yuran pendahuluan tunai (tertakluk kepada 6% gst, berdasarkan amaun tunai pendahuluan)

- Yuran pendahuluan tunai adalah 5% daripada amaun didahulukan atau minimum RM20 yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai.
- (Untuk kad Essential sahaja) Yuran pendahuluan tunai adalah 2% daripada amaun didahulukan atau minimum RM5, yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak untuk mengenakan kadar standard 5% setiap transaksi atau RM20, yang mana lebih tinggi, menurut budi bicaranya.
- (Untuk kad Platinum Business sahaja) i) Pengeluaran melalui cek: Tiada yuran. ii) Pengeluaran melalui ATM: Yuran pendahuluan tunai adalah 3% daripada amaun didahulukan atau minimum RM20, yang mana lebih tinggi. Ia dikenakan untuk setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak untuk mengenakan kadar standard 5% setiap transaksi atau RM20, yang mana lebih tinggi, menurut budi bicaranya.

Yuran Tahunan

Jenis kad	Prinsipal			Sampingan		
	Yuran Tahunan (RM)	6% GST (RM)	Jumlah (RM)	Yuran Tahunan (RM)	6% GST (RM)	Jumlah (RM)
Koleksi kad premium Hong Leong						
Hong Leong Infinite (Visa)	Tiada yuran tahunan			Tiada yuran tahunan		
Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)	Tiada yuran tahunan			Tiada yuran tahunan		
Hong Leong Infinite (Visa)	Tiada yuran tahunan			Tiada yuran tahunan		
Kad perniagaan						
Platinum Business (Mastercard)	400	24	424	200	12	212
Kad rebat						
WISE Platinum (Visa)	300	18	318	150	9	159
WISE Gold (Visa) yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2016	160	9.60	169.60	80	4.80	84.80
WISE Gold (Visa) yang diluluskan mulai 1 Oktober 2016 dan seterusnya	250	15	265	80	4.80	84.80
Essential (Visa)	100	6	106	50	3	53
Fortune (Visa)	160	9.60	169.60	80	4.80	84.80
The Store dan Pacific Platinum (Mastercard)	300	18	318	150	9	159
The Store dan Pacific Gold (Mastercard)	150	9	159	75	4.50	79.50
Kad mata ganjaran						
Sutera Platinum (Visa/Mastercard)	400	24	424	200	12	212
Gold (Visa/Mastercard)	160	9.60	169.60	80	4.80	84.80
GSC Platinum (Visa)	300	18	318	150	9	159
GSC Gold (Visa)	150	9	159	75	4.50	79.50
Kad asas						
1m (Mastercard)	Tiada yuran tahunan			Tiada yuran tahunan		

Penerangan yuran dan caj	Amaun (RM)	6% GST (RM)	Jumlah (RM)
Pencarian rekod jualan (setiap salinan) ¹	20	1.20	21.20
Terbitan PIN baru (setiap permintaan) ²	5	0.30	5.30
Permintaan penyata bulanan (setiap penyata)	5	0.30	5.30
Yuran penyertaan (setiap kad) ³	20	1.20	21.20
Penyelenggaraan kategori (untuk kad WISE sahaja) (setiap kategori)	10	0.60	10.60
Yuran pemprosesan tahunan (untuk kad The Store dan Pacific sahaja) Tiada Yuran Pemprosesan Tahunan dikenakan oleh The Store Card Sdn Bhd untuk tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, Yuran Pemprosesan Tahunan akan dikenakan mengikut status keahlian: The Store/Pacific Gold (setiap tahun) The Store/Pacific Platinum (setiap tahun)	20 40	1.20 2.40	21.20 42.40
Yuran penghantaran semula untuk Program Hong Leong Rewards Bayaran nominal sebanyak RM10 akan dikenakan bagi setiap penghantaran selepas percubaan penghantaran yang tidak berjaya yang pertama di bawah program Hong Leong Rewards:			
i) Yuran penghantaran semula ke alamat yang lain (setiap permintaan)	10	0.60	10.60
ii) Yuran penghantaran semula ke alamat yang sama (setiap permintaan)	10	0.60	10.60
iii) Sebagai alternatif, Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk menggunakan 2,650 Mata Ganjaran (PC:9000) sebagai bayaran untuk setiap permintaan penghantaran semula			
Yuran berkaitan kemudahan cek (untuk kad Platinum Business sahaja)			
i) Permohonan/terbitan buku cek (setiap helaian)	0.15	Tiada	0.15
ii) Yuran pemprosesan cek (mulai 1 Januari 2015) (setiap terbitan cek)	0.50	0.03	0.53
iii) Pemusnahan buku cek tidak dituntut lebih 28 hari (setiap buku cek)	30	1.80	31.80
iv) Cek dikembalikan			
- Disebabkan kekurangandana (setiap cek) (untuk terbitan Surat Amaran BMC)(setiap surat)	150	Tiada	150
- Disebabkan masalah teknikal (cth: pindaan) (setiap cek)	10	Tiada	10
v) Pemberhentian bayaran			
- Atas permintaan (setiap cek)	10	0.60	10.60
- Disebabkan buku cek hilang (setiap arahan)	10	0.60	10.60
- Apabila cek yang diberhentikan diserahkan:-			
• Jika dana mencukupi (setiap cek)	10	0.60	10.60
• Jika dana tidak mencukupi (setiap cek)	150	9	159

¹ Tidak berkenaan dengan Kad Kredit 1m.

² Bagi Pemegang Kad Kredit 1m yang mengambil PIN dari cawangan, tiada yuran berkenaan akan dikenakan.

³ Berkenaan dengan Kad Kredit 1m.

5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya? Caj bayaran lewat

- Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah tunggakan pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada RM100 maksimum.

Hak untuk penyelesaian

- Bank boleh, menurut budi bicaranya dan dengan memberi notis 7 hari kalendar, menyelesaikan sebarang baki kredit di dalam akaun (-akaun) anda yang dibuka dengan Bank dengan sebarang baki tunggakan di dalam akaun kad kredit ini.

Liabiliti untuk transaksi tanpa kebenaran

Pemegang Kad tidak akan dipertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran kad-hadir yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan yang telah disahkan atau penggunaan kad tanpa-sentuh, dengan syarat Pemegang Kad tidak:

- melakukan penipuan;
- tangguh dalam memaklumkan Bank kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit;
- secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau mana-mana pihak ketiga;
- mencatatkan PIN pada Kad Kredit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit;
- meninggalkan Kad Kredit atau apa-apa yang mengandungi Kad Kredit tanpa jagaan di mana-mana tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Kredit

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad dikehendaki berhati-hati dalam melindungi Kad Kredit walaupun di tempat kediaman Pemegang Kad.

6. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan semua baki sebelum tarikh matang? Penalti penyelesaian awal

- RM70 akan dicaj jika pemegang kad menyelesaikan sepenuhnya amaun Balance Transfer sebelum tarikh tamat tempoh Balance Transfer yang dipilih.
- RM25 akan dicaj jika Pemegang Kad melunaskan sepenuhnya amaun Call-For-Cash Plus sebelum tamat tempoh ansuran Call-For-Cash Plus.

7. Apakah risiko utama?

- Dengan menjelaskan bayaran balik bulanan secara minimum, ia akan mengambil tempoh yang lebih lama dan kos untuk menjelaskan baki tunggakan juga lebih tinggi. Fikirkan kemampuan anda untuk membayar balik semasa menggunakan kad kredit. Sekiranya anda menggunakan kad kredit anda untuk membayar balik pembiayaan lain, kos yang anda tanggung mungkin lebih tinggi. Hubungi pihak Bank untuk rundingan perancangan kewangan dan alternatif pembayaran, sekiranya perlu.
- Sekiranya kad kredit dan/atau PIN anda hilang atau dicuri, sila maklumkan kepada pihak Bank dengan serta-merta di HOTLINE : +603-7626 8899.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan kepada maklumat peribadi saya?

- Bank perlu dimaklumkan mengenai perubahan maklumat perhubungan anda secepat mungkin untuk memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya. Anda boleh menghubungi kami di 03-7626 8899 untuk melakukan sebarang perubahan. Untuk pelanggan Hong Leong Online, sila layari Hong Leong Online Personal dan pilih "Kemaskini Akaun Saya" diikuti oleh "Kemaskini Maklumat Perhubungan".

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda seharusnya menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran semula. Anda boleh menghubungi kami di: Hong Leong Bank Berhad, Perkhidmatan Kewangan Peribadi Kawalan Kredit - Kad Kredit. Tel: +603-7626 8311
- Alternatifnya, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel: 03-2616 7766 E-mel: enquiry@akpk.org.my
- Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang ditawarkan oleh AKPK menggalakkan pengurusan wang secara berhemah dan disiplin kewangan kepada peminjam individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi 03-2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my
- Jika anda ingin memberi sebarang maklum balas mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di: Hong Leong Bank Berhad, 13A Floor, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel: +603-7626 8899 Fax: +603-7946 8888 E-mel: hlonline@hlbb.hongleong.com.my
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato'Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 Fax: +603-2174 1515 E-mel: bnmtelink@bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad kredit, sila rujuk buku kecil maklumat perbankan mengenai "Kad Kredit", yang boleh diperolehi di semua cawangan kami dan laman web www.bankinginfo.com.my.
- Untuk maklumat terkini yang terkandung di dalam Helaian Makluman Produk ini, dan terma & syarat lengkap produk kami, sila layari www.hlb.com.my dan/atau www.machbyhongleongbank.com.my. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maklumat terkini dan terma & syarat yang terdapat di laman web Hong Leong Bank akan berkuat kuasa.

11. Lain-lain produk kad kredit yang sedia-ada

- Pelbagai keistimewaan mengujakan dengan Kad Kredit kami:-
- i. Kad Touch 'n Go - kad sampingan yang dihubungkan dengan Kad Kredit Hong Leong anda. Ia menambah-nilai RM100 secara automatik setiap kali baki Kad Touch'n Go berada di bawah RM50.

Yuran	Amaun (RM)	6% GST (RM)	Jumlah (RM)
Yuran terbitan (setiap kad)	10	0.60	10.60
Yuran penggantian kad (setiap kad)	10	Tiada	10
Yuran tambah-nilai automatik (setiap tambahan)	2	0.12	2.12

- Balance Transfer (BT)
- Call-For-Cash (CFC)
- Call-For-Cash Plus (CFC+)
- Pelan Lanjutan Bayaran (EPP)